

Zaidatul lepasi kelayakan 100m wanita

UTUSAN MALAYSIA

13/8/2016 P-31

RIO DE JANEIRO 12 Ogos - Walaupun gagal menyamai catatan terbaiknya 11.62s, namun pelari pecut wanita negara Zaidatul Husniah Zulkifli berjaya melepassi pusingan kelayakan 100m selepas menduduki tempat ketiga dalam saringan kelayakan di Stadium Olimpik hari ini.

Bersaing dalam saringan ketiga, Zaidatul menamatkan larian dengan masa 12.12s namun keputusan

itu sudah cukup untuk meletakkannya dalam kelompok empat pelari terpantas yang mara ke pusingan pertama, yang akan berlangsung esok.

Catatan terpantas pusingan kelayakan menjadi milik pelari Malta, Charlotte Wingfield dengan masa 11.86s yang menjadi juara sewaktu bersaing bersama Zaidatul dalam saringan ketiga. - UTUSAN